

BENTUK KERTAS SOALAN

Bahasa Cina Kertas Satu 6351/1 ini mengandungi dua Bahagian. Calon menjawab dua soalan iaitu satu dari Bahagian Karangan dan satu lagi dari Bahagian Surat Kiriman. Peruntukan masa bagi Kertas ini ialah satu jam 30 minit.

- Bahagian A (karangan) diperuntukkan 70 markah. Jenis karangan merangkumi pelbagai skop seperti naratif, deskriptif, perbahasan, wawancara, dialog dan fakta.
- Bahagian B (surat kiriman) diperuntukkan sebanyak 30 markah. Bahagian ini merangkumi notis, pemberitahuan dan surat kiriman rasmi. Bentuk soalan sebegini amat berguna kepada calon yang bakal menceburi alam pekerjaan kerana kemahiran tersebut adalah praktikal.

PRESTASI KESELURUHAN

Majoriti calon menjawab soalan satu dan empat. Bahagian Karangan dan isi kandungan lebih kurang sama. Kemungkinan besar kedua-dua soalan lebih relevan dengan pengalaman hidup mereka.

Sebilangan besar calon mendapat markah yang tinggi. Namun begitu, majoriti calon mendapat markah sederhana, manakala hanya segelintir calon mendapat markah rendah. Oleh itu, prestasi keseluruhan bagi calon tahun ini amat memuaskan.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Isi karangan dan surat rasmi atau notis didapati menepati tajuk. Isinya padat, lengkap dan memenuhi syarat yang ditetapkan. Penyampaian jawapan calon adalah baik dan jelas. Bahasa dan ayat yang digunakan adalah sempurna. Penyusunan isi adalah baik dan sistematik. Kurang kesalahan dari segi tanda baca. Kosa katanya luas, pengolahannya menarik dan berkesan.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Isinya menepati tajuk, tetapi tidak begitu lengkap dan sempurna. Calon dalam kumpulan ini merupakan kumpulan yang terbesar bilangannya dalam tahun ini. Penyampaian jawapan calon adalah memuaskan. Pengolahan teratur tetapi kurang menarik. Terdapat kesalahan dalam pembinaan ayat, kesilapan dari segi bentuk perkataan serta kelemahan dalam penggunaan frasa kata dan susunan ayat.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Isinya tidak lengkap, kabur, tidak tersusun dengan baik, dan sesetengahnya terpesong atau tidak menurut format yang sepatutnya. Penyampaian calon adalah lemah. Penggunaan bahasa tidak lancar, kosa katanya terhad dan pengolahannya mengelirukan. Sesetengah calon tidak dapat membina ayat serta menyampaikan mesej dengan jelas malah sukar difahami.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A (Karangan)

Soalan 1

Calon boleh menulis sebagaimana kehendak soalan kerana soalan relevan dengan pengalaman hidup mereka. Walau bagaimanapun, corak penyampaian calon kurang menekankan perasaan rindu seperti yang dikehendaki soalan. Prestasi calon agak baik dan memuaskan. Majoriti calon menjawab soalan ini.

Calon mengimbas kembali peristiwa lampau bersama kawan yang telah meninggal atau tidak dapat dihubungi secara panjang lebar tanpa melafazkan perasaan rindu, ini menyebabkan calon tidak mendapat markah tinggi. Calon sekadar membuat deskriptif kasar tetapi jarang menyelitkan perasaan atau emosi dalam esei menyebabkan corak penyampaian karangan calon menjadi kaku, statik dan kurang menarik.

Soalan 2

Prestasi calon yang menjawab soalan ini adalah sederhana. Sebenarnya konsep perhubungan era teknologi maklumat dengan pemuda amat luas. Calon sepatutnya boleh membincangkan aspek sikap, kehidupan harian, prihatin dan nilai murni, bukannya hanya dalam aspek kepentingan komputer sahaja.

Kelemahan umum yang ditemui ialah kekurangan isi kerana kurang faham tentang Era Teknologi Maklumat. Calon hanya menghuraikan tentang kepentingan komputer sahaja. Fakta yang dikemukakan adalah lebih kurang sama, pengolahan isi kurang terperinci.

Soalan 3

Calon lemah dalam penulisan bentuk perbahasan. Hanya sebilangan kecil calon menjawab soalan ini. Calon boleh fokus perbahasan mereka dalam aspek "kenapa hidup bahagia harus bermula dari keluarga?" Aspek selain daripada keluarga adalah aspek sampingan.

Kebanyakan calon hanya menghurai tentang tanggungjawab ibubapa dan anak. Sebenarnya, isi yang dibincangkan relevan dengan "kehidupan bahagia" tetapi pengolahan isinya tidak menepati kehendak soalan jenis pandangan atau pendapat atau bentuk perbahasan. Fakta yang dikemukakan kurang matang, padat dan tepat. Pendapat yang diberikan tidak bernas dan kurang menyakinkan. Pengetahuan calon terhadap isu ini tidak mencukupi kerana ketiadaan sokongan fakta dan statistik sebenar.

Soalan 4

Majoriti calon menjawab soalan ini kerana banyak sekolah pernah menganjurkan aktiviti lawatan ke rumah orang-orang tua. Calon dapat menulis sebagaimana kehendak soalan. Prestasi calon baik dan memuaskan. Majoriti calon menjawab soalan ini.

Calon yang menjawab soalan ini kebanyakannya mendapat prestasi yang baik. Calon mungkin dengan pengalaman sebenar dapat menceritakan keadaan dan aktiviti ketika melawat ke rumah orang-orang tua. Terdapat segelintir calon yang tidak menyentuh tentang pandangan dan perasaan. Walau bagaimanapun pandangan yang dikemukakan adalah lebih kurang sama: kurang kreatif.

Soalan 5

Prestasi calon dalam soalan ini adalah lemah. Soalan ini tidak popular dan tidak menjadi pilihan kebanyakan calon. Calon mungkin kurang yakin atau kurang latihan menulis karangan berbentuk Berita.

Calon kurang peka tentang istilah "wuye" (tengah malam), ada yang sebut pula siang hari atau subuh dan menceritakan seolah-olah berlakunya satu kemalangan jalan raya biasa. Tidak dapat menulis dengan jalan bahasa yang bergaya berita, lebih mirip kepada penulisan karangan biasa.

Bahagian B (Surat Kiriman)

Soalan 1

Calon menunjukkan prestasi baik. Soalan ini lebih senang mendapat markah penuh dalam bahagian isi. Majoriti calon menjawab soalan ini.

Terdapat calon yang tidak membaca soalan dengan cermat, tidak memohon bantuan daripada ahli parlimen, tetapi orang sebarangan. Ada juga calon yang tidak faham istilah "makmal multimedia dan ahli parlimen -YB". Jawapan calon terlalu panjang dan berbelit-belit, kurang ringkas dan tepat.

Soalan 2

Prestasi soalan ini memuaskan. Ramai calon sukar memperoleh markah penuh dalam bahagian isi.

Pengumuman tidak ditujui kepada kumpulan sasaran yang betul, ada ayat yang tergantung dan tidak jelas maksudnya atau bukan dalam bentuk Surat Rasmi. Huraian yang panjang lebar tetapi kurang tepat dan komprehensif.

SARANAN KEPADA CALON

1. Menggunakan ayat yang ringkas tetapi tepat.
2. Luaskan pembacaan tentang isu-isu semasa supaya dapat memberi fakta yang terkini.
3. Elakkan pencemaran bahasa. 'Cintailah Bahasa Ibunda'.
4. Elak daripada menggunakan ayat berlapis atau komposit yang terlampau panjang sehingga isi kandungan ayatnya saling bercanggah.
5. Melengkapkan diri dengan kamus, pembacaan majalah, suratkhbar dan buku cerita supaya mahir dalam penggunaan perkataan dan pengayaan kosa kata yang tepat.
6. Mahir dalam pembahagian masa sewaktu menjawab soalan.
7. Meneliti soalan sebelum mula menjawab. Gariskan kata kunci soalan.

8. Sediakan rangka karangan supaya setiap perenggan mempunyai satu isi pokok dan panjang karangan terkawal.
9. Memilih tajuk yang sesuai dengan pengetahuan dan pengalaman sendiri.
10. Tulisan mesti kemas, mudah dibaca dan berselang.
11. Memperuntukkan masa untuk menyemak semula jawapan.
12. Projek menggunting keratan suratkhbar dan mengulas isi kandungan harus dijalankan.
13. Penggunaan simpulan bahasa atau peribahasa yang bersesuaian semasa mengarang.
14. Membina sikap suka membaca dan menulis diari.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) menurut sukatan pelajaran.
2. Memperbanyak latihan menulis karangan. Penyemakan yang teliti terhadap hasil penulisan calon adalah penting untuk meningkatkan prestasi calon.
3. Menggalakkan calon membaca. Selalu memperkenalkan karya-karya yang baik kepada calon. Untuk menarik minat calon, guru boleh menyediakan sinopsis satu karya untuk calon setiap minggu. Program Galakan Membaca (NILAM) boleh dilaksanakan dengan berkesan.
4. Penghayatan kesusasteraan adalah penting untuk memupuk minat pelajar terhadap Bahasa Cina.
5. Pendedahan nilai ekonomi mengenai bahasa Cina adalah penting untuk menggalakkan pelajar mendaftar di dalam peperiksaan.
6. Guru perlu melibatkan diri dalam pemeriksaan kertas soalan SPM agar mengetahui kehendak peperiksaan yang sebenar.
7. Membincangkan kaedah menulis yang baik, terutamanya tentang penggunaan istilah yang tepat, susunan isi dan cara mengemukakan pandangan.
8. Menggalakkan calon berfikir secara mendalam dan membahaskan sesuatu tajuk dengan terperinci dan teratur berdasarkan peta minda.
9. Latihan menganalisa tajuk karangan dan rangka isi karangan.
10. Menubuhkan kelab membaca dan mengadakan laporan membaca dalam kelas sekurang-kurangnya dua kali sebulan.
11. Menggalakkan pelajar menyimpan buku nota yang mencatatkan ayat yang bermakna atau penggunaan ayat yang indah dan bernas.

12. Menggunakan kaedah P&P yang mementingkan kemahiran berfikir dan pengajaran NIE (Newspaper in Education).
13. Mendedahkan pelajar kepada soalan tahun lepas dan membuat latihan.
14. Melatih pelajar menulis dengan cara melangkau sebaris.
15. Melengkapkan buku Bahasa Cina di perpustakaan sekolah.
16. Menarik minat pelajar terhadap isu semasa dan membincangkan tajuk itu.
17. Mengajar cara belajar sendiri (教是为了不教, 学是为了自学).
18. Menilai atau mengulas sesebuah karangan bersama pelajar supaya dapat merangsang daya pemikiran mereka (奇文共欣赏, 疑义相与析).
19. Melatih pelajar menulis dengan padat dan bernas. Menggalak pelajar buat folio tentang peristiwa semasa yang penting.
20. Membimbing pelajar meneliti soalan dalam P&P atau menekankan kata kunci dalam sesuatu tajuk karangan.